



KETUA Menteri Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman (berdiri, empat dari kanan) dan Ketua Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Datuk Nizam Abu Bakar Titingan (empat dari kiri) bersama setiausaha-setiausaha politik kementerian di lobi bangunan DUN Sabah.

Graduan bidang pertanian ada kebolehpasaran tinggi

4B 10-8-2017 A2

GRADUAN Institut Pertanian Sabah miliki potensi kebolehpasaran yang tinggi.

Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Musbah Jamli berkata, purata kebolehpasaran graduan pertanian mencapai tahap 70 peratus keatas.

Menurutnya, tahun ini sahaja, seramai 120 pelajar Sijil Pertanian akan menamatkan pengajian mereka.

“Sebanyak 66 peratus daripada jumlah itu sudah menerima tawaran pekerjaan dari agensi swasta dan 18 peratus lagi ditawarkan menyambung pengajian ke Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu sarawak.

“Selain Institut Pertanian Sabah, Jabatan Pertanian turut mengendalikan Pusat Latihan Vokasional Pertanian (AVTC) di Lahad Datu.

“Pusat ini berjaya melahirkan seramai 489 graduan sejak ditubuhkan dan rekod menunjukkan, seramai 323

graduan iaitu 66 peratus ditawarkan pekerjaan dalam sektor perladangan sawit,” jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Datuk James Ratib (BN-Sugut) mengenai kebolehpasaran graduan bidang pertanian di negeri ini.

Musbah berkata, program-program berorientasikan pertanian turut ditawarkan di universiti awam termasuklah Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sabah.

Katanya, berdasarkan statistik, jumlah kemasukan mahasiswa ke Fakulti Pertanian Lestari UMS dari 2014 hingga 2016 seramai 213 orang dan 51 peratus iaitu 109 graduan berjaya memperolehi pekerjaan.

Menurutnya, melalui Fakulti Perladangan dan Agroteknologi (FPA) UiTM Cawangan Sabah, kajian

alumni mendapati 41 peratus graduan Diploma Pengurusan Perladangan bekerja dalam bidang perladangan dan pertanian.

“Di bawah kendalian Koperasi Pembangunan Desa (KPD), Pusat Latihan Belia Desa KPD-OISCA Tenom berjaya melatih seramai 1,570 graduan sejak 1989.

“Daripada jumlah itu, seramai 1,059 orang atau 67 peratus mengusahakan ladang atau aktiviti perniagaan sendiri,” katanya.

Dalam pada itu jelasnya, Program Sijil Pertanian di Institut Pertanian Sabah menggunakan kurikulum yang seragam dengan Institut Pertanian Malaysia.

Beliau berkata, kurikulum di setiap Institut Pertanian juga sentiasa dikemaskini dan ditambahbaik mengikut keperluan semasa dan pemegang taruh melalui Bengkel Penambahbaikan Berterusan (CQI).